

# Projek Lebuhraya Pantai Barat mula dibina 2008

BH - 9/5/2007.

## Tempoh konsesi 33 tahun diberi kepada Konsortium LPB Sdn Bhd

Oleh Magendran Rajagopal

**B**ATANG BERJUNTAI: Perjanjian konsesi Lebuhraya Pantai Barat (LPB) sepanjang 215.8 kilometer (km) yang tertangguh hampir 10 tahun akan ditandatangani Isnin ini, selaras keputusan Kabinet mengenainya, baru-baru ini.

Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata lebuhraya menghubungkan Taiping (Perak) dan Banting (Selangor) itu akan dilaksanakan Konsortium LPB Sdn Bhd.

Lebuhraya itu akan bermula dari persimpangan jalan persekutuan di bahagian utara pekan Tanjung Karang menuju ke jalan negeri yang menghubungkan pekan Banting ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang.

Jajaran Perak akan bermula dari jalan persekutuan ke Plaza Tol Changkat Jering Lebuhraya Utara

Selatan dekat Taiping dan menyusur ke selatan dan berakhir di Jalan Persekutuan dekat Sabak Bernam.

"Jemaah menteri sudah memberi persetujuan supaya projek ini diteruskan.

"Mengikut perjanjian itu, tempoh konsesi adalah selama 33 tahun, ter-

masuk tiga tahun untuk pembinaannya.

"Pembinaan jajaran Selangor akan dimulakan pada pertengahan 2008 dan dijangka siap pertengahan 2011, manakala pembinaan ajaran Perak bermula pada 2010," katanya kepada pemberita selepas meninjau perkembangan pembinaan semula dua rumah yang musnah dalam kebakaran di Taman Purnama di sini, ketika kempen pilihan raya kecil Ijok, minggu lalu.

Mangsa kebakaran, Hasmah Jaafar, 47, seorang ibu tunggal dengan enam anak dan jirannya, Ridzwan Supian, 47, yang masih menumpang di rumah saudara, berterima kasih kepada kerajaan kerana rumah mereka kini sudah hampir siap.

Samy Vellu menjelaskan, tempoh konsesi bagi jajaran Perak akan tamat dua tahun selepas berakhirnya konsesi jajaran Selangor.

Apabila siap, laluan itu akan menjadi lebuhraya ketiga terpanjang di negara ini selepas Lebuhraya Utara-Selatan (996 km) dan Lebuhraya Pantai Timur 330 km.

Mengenai pembangunan Ijok, Samy Vellu yang juga Presiden MIC, berkata beliau akan mengotakan janjinya kepada penduduk Ijok untuk turun padang secara peribadi bagi memastikan semua janji Barisan Nasional (BN) ketika pilihan raya kecil 28 April lalu ditunaikan.

Beliau diiringi Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Ijok yang baru, K Parthiban, menghabiskan lebih empat jam melawat beberapa kampung di sekitar Ijok dan Batang Berjuntai, petang semalam.

Samy Vellu turut memantau perkembangan pembinaan parti di Kampung Seri Kilat dan selain pembinaan bangunan tambahan di beberapa sekolah kebangsaan, Tamil dan Cina.

### FAKTA NOMBOR

Lebuhraya Pantai Barat

**RM3.6b**

Anggaran kos keseluruhan

**RM603j**

Kos pengambilan tanah